

## JAWATAN KOSONG DI I-CELLS, JABATAN PEGUAM NEGARA



Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di *International Centre For Law and Legal Studies (I-CeLLS)*, Jabatan Peguam Negara seperti berikut:

1. Jawatan : Administrative Associate
2. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
3. Taraf Jawatan : Kontrak
4. Gaji Asas : Mengikut Skim Gaji Gred 52
5. Syarat Lantikan : Tawaran ini dibuka kepada sesiapa yang berminat dan berkelayakan seperti:
  - i. Kelulusan asas memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan;
  - ii. Pengalaman dalam bidang berkaitan tidak kurang daripada 7 tahun. Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki pengalaman dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Kewangan;
  - iii. Lulus Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan fasih berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris; dan
  - iv. Mempunyai kemahiran mengendalikan Microsoft Office.

### BIDANG TUGAS

1. Menyediakan Anggaran Belanjawan Tahunan I-CeLLS.
2. Menguruskan semua tuntutan pegawai/Executive di I-CeLLS.
3. Meneliti prestasi dan keperluan peruntukan bagi program-program dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan I-CeLLS.
4. Merancang kawalan perbelanjaan dan perolehan dari segi keperluan, pengubahsuaian, pemansuhan atau pengwujudan sesuatu program atau aktiviti baru I-CeLLS.
5. Menyediakan maklum balas atau laporan yang diperlukan oleh I-CeLLS.
6. Menguruskan hal-hal pentadbiran yang berkaitan dengan belanjawan, sumber manusia dan lain-lain tugas yang diarah.
7. Membantu dalam merancang kawalan perbelanjaan dari segi keperluan, pengubahsuaian, pemansuhan atau pengwujudan sesuatu program atau aktiviti baru I-CeLLS.
8. Menguruskan semua hal-hal pentadbiran termasuk urusan pemfailan dan dokumentasi
9. Mengurus setia mesyuarat-mesyuarat I-CeLLS.

### KEUTAMAAN SYARAT LANTIKAN

- a) Warganegara Malaysia
- b) Calon mestilah berusia tidak kurang daripada 45 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- c) Calon hendaklah mempunyai pengalaman kerja.
- d) Calon mestilah mempunyai pengalaman dalam pengurusan sumber manusia dan kewangan serta yang berkaitan.

### CARA MEMOHON

- i. Permohonan boleh dilakukan melalui laman web Jabatan Peguam Negara : [www.agc.gov.my](http://www.agc.gov.my)
- ii. Pemohon juga hendaklah menghantar *resume* berserta dengan borang permohonan perjawatan, di Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Peguam Negara.
- iii. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil-sijil yang berkaitan dan telah disahkan.

### PERMOHONAN HENDAKLAH DIHANTAR

Borang yang lengkap diisikan hendaklah dihantar ke alamat di bawah. Sila tuliskan nama jawatan yang dipohon di bahagian atas sebelah kiri sampul surat:

**Jabatan Peguam Negara**  
**Bahagian Pengurusan, No. 45, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya Tel: 03-88722188,**  
**Fax No: 88905670**

Semua permohonan hendaklah sampai tidak lewat dari tarikh tutup iklan pada **15 Februari 2012**. Hanya calon yang disenaraikan pendek yang akan dipanggil menghadiri temuduga. Calon yang tidak menerima jawapan dalam masa 4 bulan dianggap tidak berjaya.